

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-8 (PENUTUP)
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 17-07-1985

Syukur alhamdulillah kerana tanggungjawab kita telah dapat disempurnakan dengan jayanya. Ini adalah kerana usaha yang tidak mengenal penat lelah dan kerjasama Ahli-Ahli BAKTI serta para hadirin sekalian.

2. Saya percaya dengan adanya keazaman dan ketekunan Jawatankuasa Tadbir BAKTI yang baru, BAKTI akan bergiat dengan lebih baik lagi dan saya berharap ahli-ahli BAKTI akan memberi sepenuh sokongan dan sambutan yang baik.

3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan mesyuarat BAKTI yang ke-8 ini, dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan memberkati mesyuarat ini dan memberi taufik dan hidayahNya supaya kita akan sentiasa bersatu untuk berbakti. Sehingga kita bertemu lagi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan maaf zahir dan batin.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.